

SOALAN LAZIM BERKAITAN HASIL

1. Apakah itu cukai tanah?

Cukai Tanah ditafsirkan sebagai “sewa” di bawah Seksyen 5 Kanun Tanah Negara 1965 sebagai:

- i) apa-apa jumlah wang tahunan yang dikenakan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) sebagai sewa.
- ii) apa-apa pembayaran tahunan lain yang terhutang kepada PBN yang, mengikut mana-mana undang-undang bertulis, hendaklah dipungut seolah-olah ia adalah sewa atau hasil tanah; dan
- iii) apa-apa fee yang akan dibayar kepada PBN berkenaan dengan tunggakan sewa menurut kuasa kaedah-kaedah di bawah Seksyen 14.

2. Siapakah yang perlu menjelaskan cukai tanah?

Merujuk kepada Seksyen 95 Kanun Tanah Negara 1965, setiap pemilik tanah berdaftar ATAU wakil bagi pihaknya bertanggungjawab untuk menjelaskan cukai tanah tahunan.

3. Bilakah anda sepatutnya membayar cukai tanah?

Mulai 1 Januari sehingga 31 Mei setiap tahun. Selepas daripada tarikh tersebut, denda lewat kan dikenakan.

4. Mengapa anda perlu membayar cukai tanah?

Adalah menjadi tanggungjawab setiap pemilik tanah (atau wakil bagi pihaknya) untuk membayar cukai tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri setiap tahun tanpa perlu menunggu makluman melalui bil cukai tanah.

5. Implikasi jika gagal menjelaskan cukai tanah?

Di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara tanah anda akan DIRAMPAS.

6. Bagaimanakah pembayaran *online* cukai tanah boleh dibuat?

Pembayaran *online* cukai tanah boleh dibuat sama ada melalui Portal e-Tanah <http://etanah.penang.gov.my> @ Portal e-Bayar <http://ebayar.penang.gov.my>. Jika membuat pembayaran melalui Portal e-Bayar pengguna dinasihatkan supaya **Daftar Ahli** terlebih dahulu bagi membolehkan pengguna untuk mencetak semula resit bayaran cukai tanah jika diperlukan pada masa akan datang.

7. Adakah cukai tanah dan cukai taksiran boleh dibayar secara *online*?

Ya, cukai tanah boleh dibayar melalui Portal e-Tanah dan Portal e-Bayar. Manakala cukai taksiran hanya boleh dibayar melalui Portal e-Bayar sahaja.

8. Apakah perbezaan antara menggunakan kad kredit dan kad debit untuk bayaran cukai tanah?

Bagi pembayaran secara debit, caj perkhidmatan yang bank kenakan adalah RM0.53 per transaksi manakala bayaran melalui kad kredit, caj perkhidmatannya adalah 1.908% ke atas jumlah bayaran bagi setiap transaksi.

9. Bolehkah pembayaran cukai tanah secara *online* dibuat melalui portal bank seperti maybank2u.com atau CIMB Clicks?

Tidak boleh, kerana tiada kemudahan pembayaran cukai tanah melalui portal bank untuk Pulau Pinang. Bayaran online hanya boleh dibuat melalui portal yang disediakan iaitu Portal e-Tanah atau Portal e-Bayar.

10. Bolehkah resit bayaran cukai tanah online yang telah dibayar dicetak semula?

Resit bayaran cukai tanah *online* boleh dicetak semula jika pembayaran sebelum ini dibuat melalui Portal e-Tanah, dengan klik pada menu 'Cetak Semula Resit', masukkan nombor akaun cukai tanah, klik 'Cari', pilih dan klik pada tarikh resit yang disenaraikan, dan klik 'Jana Resit'.

Jika bayaran dibuat melalui Portal e-Bayar, pengguna perlu **Daftar Ahli** terlebih dahulu bagi membolehkan pengguna untuk mencetak semula resit bayaran cukai tanah jika diperlukan pada masa akan datang. Disamping itu, pengguna boleh menyemak maklumat pembayaran yang telah dibuat. Bagi pengguna yang tidak mendaftar sebagai ahli dan ingin mendapatkan resit, sila hubungi WebAdmmin untuk tindakan selanjutnya.

11. Bolehkah pembayaran cukai tanah dibuat 2 atau 3 akaun sekaligus?

Pembayaran cukai tanah tidak boleh dibuat sekaligus kerana 1 akaun cukai tanah adalah hanya untuk 1 bayaran sahaja.

12. Apakah yang berlaku kepada pembayaran cukai tanah secara *online* yang tiada status bayaran?

Bagi pembayaran yang dibuat pada hari yang sama, pengguna perlu menunggu sehingga 1 hari bekerja berikutnya untuk pemprosesan dan pengesahan bayaran

Soalan Lazim (FAQ)

oleh pihak bank dan Pejabat Daerah Dan Tanah (kemungkinan berlaku 'attempt payment' pada bayarannya). Sila hubungi Bahagian Hasil, PTG Pulau Pinang untuk semakan pembayaran.

13. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya, setelah selesai membuat bayaran di kaunter Pejabat Daerah Dan Tanah, status masih menunjukkan pembayaran belum dijelaskan apabila semakan dibuat?

Jika dibayar pada hari yang sama, sila semak melalui Portal e-Tanah dan Portal e-Bayar jika berdaftar (bayaran belum replikasi ke Pejabat Daerah – replikasi transaksi *online* hari ini hanya dapat disemak di kaunter Pejabat Daerah keesokkan harinya kecuali jika disemak di kaunter PTG).

14. Adakah bayaran cukai tanah *online* telah berjaya sedangkan semasa proses bayaran “*processing loading*” mengambil masa yang terlalu lama dan kemudiannya mendapati duit di dalam akaun telah pun ditolak?

Bayaran telah selesai, sila semak bayaran keesokkan harinya. Jika masih tiada apa-apa status, mohon hubungi Bahagian Hasil, PTG Pulau Pinang.

15. Saya adalah pengguna berdaftar di dalam Portal e-bayar dan telah mencuba untuk memasukkan akaun cukai tanah tetapi tidak berjaya. Bagaimanakah cara untuk saya mengatasi masalah tersebut?

Sila pastikan menggunakan web browser Mozilla Fire Fox. Jika pengguna masih ingin menggunakan Internet Explorer juga, masalah ini akan berlaku dan setelah tambah nombor akaun, pengguna perlu tutup semula Internet Explorer dan buak semula selepas 10 ke 15 minit.

16. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pemilihan bank untuk urusan pembayaran tidak dapat dilakukan (*online*)?

Sila pastikan 'pop-up blocker' telah ditutup (off).

17. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya kad kredit tidak boleh digunakan setelah beberapa kali cubaan untuk membuat bayaran?

Sila hubungi bank yang mengeluarkan kad kredit tersebut.

18. Saya adalah pemegang kad kredit, bagi saya caj yang dikenakan 1.8% bagi setiap transaksi adalah terlalu mahal dan mengapa caj tersebut tidak dikecualikan?

Segala caj bayaran adalah ditentukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

19. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terpapar mesej “*PTG service is not available*” pada skrin semasa proses pembayaran dilakukan?

Maklum segera pada Bahagian Hasil, PTG Pulau Pinang dan tindakan akan diambil secepat mungkin.

20. Bagaimakah cara untuk menukar alamat pada bil cukai tanah?

- a) Penukaran alamat boleh dilakukan melalui *online* dengan melayari PTGBil di Portal Rasmi Pejabat Tanah Dan Galian Pulau Pinang di alamat <http://ptg.penang.gov.my/ptgbil>.
- b) Penukaran alamat boleh juga dilakukan di setiap kaunter Pejabat Tanah Dan Daerah dan di kaunter Bahagian Hasil, PTG Pulau Pinang dengan mengisi Borang NA.2. (Bawa sesalinan Geran atau Perjanjian Jual Beli)

21. Bilakah permohonan pengurangan cukai tanah boleh dibuat?

Permohonan pengurangan tanah boleh dibuat pada setiap tahun dan kemukakan permohonan tersebut pada atau sebelum 31 Mac setiap tahun dengan melengkapkan borang permohonan pengurangan cukai tanah (borang boleh diperolehi di kaunter Pejabat Daerah Dan Tanah).

22. Bolehkah bayaran cukai tanah dibuat di daerah-daerah lain?

Bayaran cukai tanah boleh dibayar dimana-mana kaunter hasil Pejabat Daerah Dan Tanah di dalam negeri Pulau Pinang.